

Isu, Cabaran dan Strategi dalam Pencegahan dan Pemuliharaan Dadah di Malaysia

Penulis:

Phoong Seuk Wai¹, Phoong Seuk Yen²

E-mel:

phoongsw@um.edu.my¹, phoong@fsmt.upsi.edu.my²

Abstrak: Isu penyalahgunaan dadah kekal sebagai cabaran sosial yang kritikal di Malaysia. Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, kadar penagihan semula dan kemunculan dadah sintetik baharu menunjukkan bahawa masalah ini bersifat dinamik serta memerlukan pendekatan lebih menyeluruh. Usaha pencegahan tidak boleh bergantung kepada penguatkuasaan semata-mata, sebaliknya perlu merangkumi pendidikan, kesedaran awam, pemulihan, integrasi sosial dan sokongan komuniti.

Buku ini menghimpunkan pandangan ilmiah, dapatan kajian dan pengalaman praktikal daripada pelbagai pihak yang terlibat dalam pencegahan dan pemulihan dadah. Perbincangan meliputi isu semasa, cabaran agensi kerajaan dan NGO, serta cadangan strategi berasaskan bukti yang relevan dengan konteks semasa.

Setiap bab disusun bagi memberi gambaran menyeluruh tentang ekosistem pencegahan dan pemulihan dadah. Diharapkan buku ini menjadi rujukan berguna kepada pembuat dasar, pengamal, pelajar dan masyarakat dalam memperkukuh usaha membina komuniti yang lebih sihat dan sejahtera.

Kata Kunci: Dadah, pencegahan, pemuliharaan, penagihan



Isu, Cabaran dan Strategi

dalam Pencegahan dan Pemuliharaan
Dadah di Malaysia

Phoong Seuk Wai
Phoong Seuk Yen



Isu, Cabaran dan Strategi

dalam Pencegahan dan Pemuliharaan
Dadah di Malaysia



Isu, Cabaran dan Strategi

dalam Pencegahan dan Pemuliharaan
Dadah di Malaysia

Phoong Seuk Wai
Phoong Seuk Yen

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2026

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Penulis:

Phoong Seuk Wai
Phoong Seuk Yen

Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor.

No. Tel: 07-453 8698 / 8529
Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Dicetak oleh:

ATTIN PRESS SDN. BHD.
No 8, Jalan Perindustrian PP4,
Taman Perindustrian Putra Permai,
43300 Seri Kembangan, Selangor, Kuala Lumpur, Malaysia
No. Tel : +603-8939 0660
E-mel: attinpress@gmail.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-296-1

ISI KANDUNGAN

<i>Senarai Singkatan</i>	<i>vii</i>
<i>Prakata</i>	<i>ix</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>xi</i>
BAB 1 Pengenalan	1
BAB 2 Kesedaran Awam dan Pendidikan Pencegahan	13
BAB 3 Strategi Pencegahan dalam Komuniti dan Keluarga	45
BAB 4 Penguatkuasaan dan Operasi Tangkapan	69
BAB 5 Program Pemuliharaan dan Integrasi Semula	93
BAB 6 Cadangan Dasar dan Penambahbaikan	109
BAB 7 Kesimpulan	125
<i>Bibliografi</i>	<i>137</i>
<i>Biografi</i>	<i>159</i>
<i>Indeks</i>	<i>161</i>

SENARAI SINGKATAN

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
AI	Kecerdasan Buatan
ATS	Amphetamine-Type Stimulants
CCSC	Cure & Care Service Centre
CCRC	Cure & Care Rehabilitation Centre
DMT	Dimethyltryptamine
FOA	<i>Family on Alert</i>
GHB	Gamma-Hydroxybutyrate
HAD	Hari Antidadah
JKDM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
JSJN	Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik
KBT	Kawasan Berisiko Tinggi
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LSD	Lysergic Acid Diethylamide
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
NGO	Badan Bukan Kerajaan
PCP	Phencyclidine
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PEMADAM	Persatuan Mencegah Dadah Malaysia
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPDa	Program Pendidikan Pencegahan Dadah
PUSPEN	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik

RPDK	Rumah Pemulihan Dalam Komuniti
SMART	Sukses, Matang, Aktif, Rasional, Tanggungjawab
SSCS	<i>Stress-Strain-Coping-Support</i>
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
TOT	<i>Training of Trainers</i>
UNODC	<i>United Nations Office on Drugs and Crime</i>
WCO	<i>World Customs Organization</i>

PRAKATA

Isu penyalahgunaan dadah kekal sebagai cabaran sosial paling kritikal yang dihadapi oleh Malaysia. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sejak beberapa dekad lalu, malah kadar penyalahgunaan dadah, penagihan semula (relaps) dan kemunculan dadah sintetik baharu menunjukkan bahawa permasalahan ini bersifat dinamik dan memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh. Justeru itu, usaha membanteras penyalahgunaan dadah tidak lagi boleh bergantung semata-mata kepada penguatkuasaan undang-undang, sebaliknya harus digerakkan melalui pendekatan holistik yang merangkumi aspek pencegahan, pendidikan, kesedaran awam, pemulihan, integrasi semula dan sokongan komuniti.

Buku ini diterbitkan bagi memenuhi keperluan tersebut dengan menghimpunkan pandangan ilmiah, dapatan kajian, serta pengalaman praktikal daripada pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dalam usaha pencegahan dan pemulihan dadah di Malaysia. Ia membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat, di samping mengemukakan cadangan dasar dan strategi penambahbaikan yang relevan dengan konteks semasa.

Setiap bab dalam buku ini disusun untuk memudahkan pembaca memahami keseluruhan ekosistem pencegahan dan pemulihan dadah. Bermula dengan latar belakang dan trend semasa penyalahgunaan dadah, pembaca akan dibimbing mengikuti aspek kesedaran awam, peranan komuniti dan keluarga, penguatkuasaan, program pemulihan serta cadangan dasar berasaskan bukti (evidence-based policy). Pendekatan interdisiplin ini diharap dapat memberi gambaran yang lebih

komprehensif tentang isu dadah dan langkah-langkah bersepadu ke arah membina masyarakat bebas dadah.

Adalah diharapkan agar buku ini menjadi rujukan berguna kepada pembuat dasar, pengamal lapangan, penyelidik, pelajar dan masyarakat umum dalam memahami realiti semasa dan membentuk strategi lebih berkesan. Semoga usaha kecil ini dapat menyumbang kepada misi nasional dalam melahirkan generasi bebas dadah serta memperkukuh kesejahteraan sosial negara.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada agensi pelaksana dan pihak-pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga buku ini memberi manfaat kepada semua pihak dan menjadi titik tolak kepada wacana baharu dalam pencegahan serta pemulihan dadah di Malaysia.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) atas sokongan padu dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang proses penyediaan dan penulisan buku ini. Buku ini diterbitkan di bawah tajaan AADK melalui Geran Penyelidikan AADK no. 2024-0199-106-10, yang telah menjadi pemangkin utama dalam menjayakan penerbitan karya ini.

Penghargaan yang tulus juga dirakamkan kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dalam proses penyediaan buku ini, termasuk pihak AADK yang telah membekalkan maklumat dan data penting bagi melengkapkan kandungan penulisan.

Tidak dilupakan juga kepada agensi-agensi kerajaan, institusi akademik serta komuniti tempatan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memberikan maklumat, data serta sokongan sepanjang proses pengumpulan bahan dan penulisan. Tanpa kerjasama semua pihak, penerbitan ini tidak akan dapat direalisasikan.

Semoga buku ini memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha kolektif membina komuniti bebas dadah yang berdaya tahan di Malaysia serta menjadi rujukan berguna dalam memperkukuh dasar, program dan strategi pencegahan serta pemulihan dadah pada masa hadapan.

B A B 1

PENGENALAN

Isu dadah adalah satu masalah yang pelbagai dan kompleks yang boleh menyebabkan kesan yang mendalam dan berpanjangan terhadap landskap kesihatan awam negara. Isu penggunaan dadah ini boleh membawa kemudaratan serius kepada keselamatan negara dan mempunyai kesan yang ketara terhadap potensi dan peluang masa depan di hadapan generasi muda negara. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih mendalam tentang masalah dadah, adalah penting untuk mengkaji semula latar belakang isu dadah di Malaysia, trend semasa dan rasional keperluan melalui pendekatan holistik.

Latar Belakang Isu Dadah di Malaysia

Masalah dadah adalah cabaran utama di Malaysia. Penyalahgunaan dadah boleh mengancam keselamatan dan kesihatan awam penduduk negara. Sejak awal tahun 1980-an, kerajaan telah mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara kerana ancamannya yang boleh merencatkan pembangunan negara serta menjejaskan keselamatan masyarakat (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2017). Dari segi definisi, dadah merujuk kepada sebarang bahan kimia semula jadi atau sintetik yang boleh mempengaruhi fungsi fisiologi dan psikologi manusia serta berpotensi menyebabkan ketagihan apabila digunakan tanpa kawalan (World Health Organization, 2020).

B A B 2

KESEDARAN AWAM DAN PENDIDIKAN PENCEGAHAN

Pengenalan

Usaha dalam membanteras penyalahgunaan dadah di Kawasan Berisiko Tinggi (KBT), Malaysia mesti meletakkan kesedaran awam dan pendidikan pencegahan sebagai komponen utama dalam strategi jangka panjang yang mampan. KBT lazimnya dicirikan oleh tahap ketidakteraturan sosial yang tinggi, kemiskinan serta kegiatan berkaitan dadah yang secara kolektif melemahkan daya tahan komuniti dan meningkatkan kerentanan terhadap penyalahgunaan bahan terlarang. Pendidikan pencegahan berperanan penting bukan sahaja dalam memaklumkan individu tentang bahaya dadah, tetapi juga dalam membentuk kemahiran kognitif, emosi dan sosial untuk menolak tekanan rakan sebaya, memahami akibat jangka masa panjang serta membuat keputusan hidup yang sihat dan beretika. Apabila pendidikan pencegahan dilaksanakan secara berkesan, inisiatif kesedaran awam dan pendidikan bukan sekadar menyampaikan maklumat, tetapi juga mampu mengubah norma sosial, mengurangkan stigma dan memupuk tanggungjawab bersama dalam menangani isu penyalahgunaan dadah (Freimuth & Quinn, 2004; UNODC, 2018).

Di Malaysia, agensi seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Komunikasi dan Digital bekerjasama dengan sekolah, institusi keagamaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi melaksanakan kempen pendidikan awam, modul latihan serta perkhidmatan sokongan

BAB 3

STRATEGI PENCEGAHAN DALAM KOMUNITI DAN KELUARGA

Pengenalan

Pencegahan penyalahgunaan dadah dalam keluarga dan komuniti merupakan tonggak utama dalam usaha membanteras gejala ini di Malaysia. Hal ini penting kerana dadah bukan sahaja menjejaskan individu, malah memberi kesan besar kepada kesejahteraan keluarga, kestabilan komuniti serta pembangunan negara. Sehubungan itu, pelbagai strategi pencegahan telah dirancang oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi memperkukuh daya tahan masyarakat melalui pendidikan, advokasi, sokongan sosial dan pemerkasaan komuniti.

Bab ini akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan strategi pencegahan di peringkat keluarga dan komuniti dengan menekankan peranan Kawasan Berisiko Tinggi (KBT) sebagai fokus utama intervensi. Peranan keluarga sebagai benteng utama dalam melindungi individu daripada pengaruh dadah serta peranan komuniti sebagai barisan hadapan dalam membina persekitaran sosial yang sihat akan dibincangkan secara terperinci. Selain itu, bab ini turut menyoroti pelbagai inisiatif dan program yang dilaksanakan, termasuk pendekatan inklusif yang melibatkan pemimpin masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi pendidikan, belia dan sukarelawan. Bab ini juga akan mengupas cabaran utama yang dihadapi dalam pelaksanaan strategi pencegahan, seperti kekurangan sumber manusia, tahap kesedaran masyarakat yang masih rendah, stigma sosial terhadap penagih dan bekas penagih serta kekangan kewangan dan logistik.

BAB 4

PENGUATKUASAAN DAN OPERASI TANGKAPAN

Pengenalan

Penguatkuasaan undang-undang dan operasi tangkapan terhadap jenayah dadah adalah komponen penting dalam memastikan keselamatan negara dan kesejahteraan masyarakat. Di Malaysia, penyalahgunaan dadah memberi impak besar terhadap aspek sosial, ekonomi dan keselamatan negara. Oleh itu, pelbagai agensi kerajaan dan pihak berkuasa terlibat dalam usaha membanteras jenayah ini. Bab ini akan menumpukan kepada peranan pelbagai agensi yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang dan operasi tangkapan dadah, termasuk peranan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), yang masing-masing memainkan peranan unik dalam memerangi jenayah dadah. Kerjasama antarabangsa turut memainkan peranan penting, di mana Malaysia aktif dalam kerjasama serantau dan global melalui pertukaran risikan dan operasi rentas sempadan dengan negara jiran serta organisasi antarabangsa seperti United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) dan World Customs Organization (WCO). Bab ini juga akan membincangkan beberapa cabaran dalam penguatkuasaan dan operasi tangkapan, termasuk sempadan terbuka yang memudahkan penyeludupan, pengedaran melalui platform digital yang semakin sukar dikesan dan kekangan peralatan moden yang membatasi kemampuan agensi penguatkuasaan.

B A B 5

PROGRAM PEMULIHARAAN DAN INTEGRASI SEMULA

Pengenalan

Program pemulihan adalah penting untuk memastikan penyalahgunaan dan penagih dadah dapat dipulihkan daripada ketagihan serta diberi peluang membina kehidupan baharu yang lebih sejahtera. Pemulihan bukan sekadar rawatan perubatan, tetapi boleh mengintegrasikan semula mereka ke dalam masyarakat dengan jayanya. Program Pemuliharaan dan Penyepaduan Semula (CRP), menyepadukan rawatan institusi, pemulihan daripada perkhidmatan berasaskan komuniti dan penyepaduan semula sosial jangka panjang supaya individu yang bergantung kepada alkohol dan bahan kimia dapat menuntut semula nyawa mereka. Pemuliharaan modal insan, iaitu, perlindungan kesihatan fizikal, mental dan sosial individu, masuk ke dalam penyepaduan semula individu menjadi ahli masyarakat yang aktif dan bertanggungjawab.

Persekitaran pemulihan Malaysia, di bawah bimbingan institusi seperti Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) berperanan dalam mengekalkan keseimbangan antara garis panduan peringkat institusi yang ketat dan model kebajikan, yang berorientasikan komuniti. Pusat institusi membenarkan ruang untuk kawasan terkawal semasa pemulihan awal, tetapi penyepaduan semula ke dalam komuniti terus terhalang oleh risiko penggunaan dadah semula, stigma dalam komuniti, pekerjaan yang tidak stabil dan kekurangan sokongan psikososial. Oleh itu, pemuliharaan

B A B 6

CADANGAN DASAR DAN PENAMBAHBAIKAN

Pengenalan

Masalah dadah menimbulkan cabaran yang serius, bukan sahaja kepada individu yang terlibat, tetapi ia juga mempengaruhi struktur kesihatan awam, fabrik sosial yang menyatukan komuniti serta rangka kerja pembangunan negara secara keseluruhan. Masalah ini memerlukan tindakan segera kerana implikasinya boleh menjejaskan masyarakat. Walaupun pelbagai langkah penguatkuasaan telah dilaksanakan secara ketat dan berterusan, tetapi sebahagian klien yang menyempurnakan proses pemulihan masih cenderung untuk kembali menggunakan dadah. Faktor yang mendorong kepada pengulangan ini termasuklah pengaruh rakan sebaya, kelemahan sokongan keluarga dan persekitaran komuniti.

Sehubungan itu, tahap kesedaran dalam kalangan komuniti terhadap bahaya penyalahgunaan dadah perlu dipertingkatkan bagi membentuk persekitaran sosial yang lebih positif dan menyokong proses pemulihan. Selain itu, sokongan berterusan daripada keluarga dan masyarakat merupakan elemen penting dalam membantu individu mengekalkan ketahanan diri, sekali gus mengurangkan risiko kembali terjebak dalam kitaran ketagihan. Usaha kolektif ini bukan sahaja berperanan dalam pemulihan individu, tetapi juga menyumbang kepada pengukuhan masyarakat yang lebih sihat, produktif dan sejahtera. Dari perspektif dasar, intervensi yang bersifat holistik dan bersepadu perlu diberi penekanan. Bahagian berikut adalah cadangan untuk menangani masalah dadah di Malaysia.

BAB 7

KESIMPULAN

Pengenalan

Bab ini merumuskan keseluruhan dapatan kajian berkaitan isu penyalahgunaan dadah di Malaysia serta menghubungkannya dengan strategi pencegahan, rawatan dan pemulihan yang telah dibincangkan dalam bab-bab terdahulu. Isu dadah di Malaysia bukan sekadar permasalahan individu, tetapi merupakan fenomena sosial yang melibatkan dimensi kesihatan awam, ekonomi, keselamatan dan pembangunan masyarakat. Hal ini kerana kes penyalahgunaan dadah memberi kesan berganda kepada pelbagai aspek kehidupan. Dari segi kesihatan awam, penagih berisiko tinggi dijangkiti penyakit berbahaya seperti HIV/AIDS dan Hepatitis C akibat penggunaan jarum suntikan. Dari sudut ekonomi pula, negara mengalami kerugian produktiviti kerana tenaga kerja yang sepatutnya menyumbang kepada pembangunan tidak dapat berfungsi sepenuhnya. Selain itu, keselamatan negara turut terancam apabila kegiatan pengedaran dadah dikaitkan dengan sindiket jenayah terancang, sekali gus menuntut kos besar dalam aspek penguatkuasaan undang-undang. Implikasi sosial juga amat ketara apabila institusi keluarga terjejas, menyebabkan wujudnya kitaran kemiskinan, keganasan rumah tangga dan pengabaian anak-anak.

Oleh itu, bab ini menekankan kepentingan melihat isu dadah secara menyeluruh, bukan hanya dari sudut penguatkuasaan tetapi juga dalam konteks pencegahan awal, intervensi keluarga dan komuniti, rawatan serta pemulihan yang berterusan.

BIBLIOGRAFI

- AADK. (2021a). *Keluarga Bebas Dadah - National Anti-Drugs Agency*. National Anti-Drugs Agency. <https://www.aadk.gov.my/pencegahan/keluarga-bebas-dadah/>
- AADK. (2021b). *Komuniti Bebas Dadah - National Anti-Drugs Agency*. National Anti-Drugs Agency. <https://www.aadk.gov.my/pencegahan/komuniti-bebas-dadah/>
- Abdullah, M. A., & Mansor, M. F. (2021). Drug rehabilitation in Malaysia: Challenges and new directions for PUSPEN institutions. *Journal of Substance Use*, 26(4), 389–397.
- Abdullah, N., & Omar, S. (2023). Policy implementation challenges in drug rehabilitation programmes in Malaysia. *Asian Journal of Social Policy*, 12(1), 33–49.
- Abdullah, S. S., Rahman, A., Nor Hayati Sa'at, Sanusi, N.A., Omar, K., Nur Ameera Rushdi & Wahab, S. (2025). Implementing Family on Alert Program to Address Drug Abuse in Malaysia: A Qualitative Exploratory Study. *Journal of Community Psychology*, 53(4).
- Adnan, H. A., Arshat, Z., & Shahril, A. (2025). A cross-sectional study of Malaysian low-income drug addict wives: Relationship between family impact, coping and mental wellbeing. *F1000Research*, 11(683), 1-16.
- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2021). *Dasar Dadah Negara 2021–2025*. Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri Malaysia.
- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2022). *Laporan tahunan 2021*. Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri.

Agensi Antidadah Kebangsaan. (2023). *Maklumat Dadah 2023*. Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri.

Ahmad Jazimin Jusoh, Ciptro Handrianto, Durrah Athirah Walid, Suzaily Wahab, and Shahid Rasool. (2023). Drug prevention education programs in schools in high-risk areas: Challenges for primary school teachers in Malaysia. *Al Ibtida Jurnal Pendidikan Guru MI*, 10(2), 1–12.

Ahmad Shahril, N. S. S., Arshat, Z., & Adnan, H.A. (2022). Parental stress and depression symptoms among B40 wives of drug addicts in Malaysia: Resilience as a mediator. *F1000Research*, 11(954), 1-18.

Ali, A. (2024). *55 kes seludup dadah guna dron tahun ini – Saifuddin*. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/55-kes-seludup-dadah-guna-dron-tahun-ini-saifuddin/>

Amato, L., Zuzana M., Davoli, M., Ferri, M., Burkhart, G., Bo, A., Costa, C., Axford, N., Kock, C. D., & Faggiano, F. (2017). Communities That Care (CTC): a comprehensive prevention approach for communities, 1–28.

Amer, F. M., & Noraini, Z. (2021). Kajian mengenai ketagihan candu di Tanah Melayu (sehingga 1957). *Jurnal Sejarah Malaysia*, 22(1), 101–118.

Astro Awani. (2023). *Persepsi, diskriminasi punca penagih sukar pulih*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/persepsi-diskriminasi-punca-penagih-sukar-pulih-434033>

Australian Institute of Health and Welfare. (2020). National drug strategy household survey 2019. Australian Government.

Australian Institute of Health and Welfare. (2024). National drug strategy household survey 2022–2023: Key findings. Australian Government.

- Aqilah, A., Elza Azri Othman, Fairuz Mohd Nasir, Kamarul Amin Abdullah, & Mohd Norbayusri Baharudin (2024). Drug addictions in Malaysia: a mini-review on drug types, rehabilitation centers and therapeutic programs. *Journal of ethnicity in substance abuse*, 8, 1–13.
- Arowolo, S. O. (2017). Understanding framing theory. *Mass Communication Theory*, 3(6), 4.
- Ayub, M. H. (2024). *Kaji akta kekang jual dadah dalam talian - Saifuddin Nasution*. SinarHarian. <https://www.sinarharian.com.my/article/656685/berita/nasional/kaji-akta-kekang-jual-dadah-dalam-talian---saifuddin-nasution>
- Aziz, A. (2025). *SRS KRT Senjata Memerangi Penagihan Dadah Dalam Komuniti - Malaysiaaktif*. Malaysia Aktif. <https://malaysiaaktif.my/2025/05/srs-krt-senjata-memerangi-penagihan-dadah-dalam-komuniti/>
- Aziz, A. (2025). *AADK Pekan Mantapkan Komuniti Melalui Program Gegar*. Malaysia Aktif. <https://malaysiaaktif.my/2025/06/aadk-pekan-mantapkan-komuniti-melalui-program-gegar-paya/>
- Azmi, I. (2019). Rethinking drug policy in Malaysia: From punishment to harm reduction. *Asian Journal of Criminology*, 14(3), 201–218.
- Balqis, A., Mustapha, S. Z., Ahmad, Y., Aziz, N. A., Ayob, N. A., & Johari, N. F. (2024). Build Resilience Against Drugs for Good Health and Well-Being: Key Strategies to Break the Drug Abuse—Smuggling—Trafficking Dependency Cycle. *Journal of Lifestyle and SDGs Review*, 5(1), e02872.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. New York: W. H. Freeman.

Isu, Cabaran dan Strategi

dalam Pencegahan dan Pemuliharaan Dadah di Malaysia

Isu penyalahgunaan dadah kekal sebagai cabaran sosial yang kritikal di Malaysia. Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, kadar penagihan semula dan kemunculan dadah sintetik baharu menunjukkan bahawa masalah ini bersifat dinamik serta memerlukan pendekatan lebih menyeluruh. Usaha pencegahan tidak boleh bergantung kepada penguatkuasaan semata-mata, sebaliknya perlu merangkumi pendidikan, kesedaran awam, pemulihan, integrasi sosial dan sokongan komuniti.

Buku ini menghimpunkan pandangan ilmiah, dapatan kajian dan pengalaman praktikal daripada pelbagai pihak yang terlibat dalam pencegahan dan pemulihan dadah. Perbincangan meliputi isu semasa, cabaran agensi kerajaan dan NGO, serta cadangan strategi berasaskan bukti yang relevan dengan konteks semasa.

Setiap bab disusun bagi memberi gambaran menyeluruh tentang ekosistem pencegahan dan pemulihan dadah. Diharapkan buku ini menjadi rujukan berguna kepada pembuat dasar, pengamal, pelajar dan masyarakat dalam memperkukuh usaha membina komuniti yang lebih sihat dan sejahtera.



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Penerbit

ISBN 978-629-490-296-1



9 786294 902961

**PENERBIT
UTHM**

